



## PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 11 BIL 11/2021

### PENGURUSAN RESIDEN PELAJAR SEPANJANG CUTI SEMESTER SESI 2020/2021

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar dikasihi,

Merujuk kepada pemakluman rasmi Hal Ehwal Pelajar ke 32 Bilangan 17 Tahun 2021 mengenai Pengoperasian Pengurusan Pelajar Pergerakan Pelajar Pulang Sempena Cuti Semester 2020/2021 Universiti Malaysia Pahang bertarikh 11 Julai 2021, Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi mengenai Pergerakan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Pulang Sempena Cuti Semester 2020/2021 bertarikh 9 Julai 2021 dan keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pengoperasian Pelajar Pulang, pengurusan Residen Pelajar sepanjang tempoh tersebut seperti berikut:

#### I. Pelajar Yang Pulang ke Kampung

- a. Para pelajar dalam kampus yang pulang ke kampung sempena cuti semester ini adalah **WAJIB** untuk melakukan *check out* di Residen Pelajar (RP) masing-masing dan membuat pemulangan kunci. Pelajar yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan untuk menaiki kenderaan universiti untuk pulang ke kampung.
- b. Bagi pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 yang ditawarkan penempatan asrama pada semester akan datang boleh membuat penyimpanan barangan di stor penyimpanan barang yang disediakan. Pelajar tertakluk kepada governan penyimpanan barangan asrama. Sebarang risiko kehilangan atau kerosakan adalah di bawah tanggungan sendiri.
- c. Bagi pelajar yang masih mempunyai barangan di asrama, pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menyediakan perkhidmatan kurier bagi penghantaran barangan peribadi pelajar. Pelajar yang ingin menggunakan perkhidmatan ini, boleh hubungi pihak MPP bagi tujuan penyelarasan bersama pihak kurier.

## II. Pelajar Yang Kekal di Kampus

- a. Para pelajar yang kekal di kampus akan dipusatkan penempatan pelajar bagi tujuan penyelarasan dan kawalan berkaitan hal ehwal kebajikan, kemudahan, kesihatan, keselamatan dan psikologi sepertimana berikut:

### i. Kampus Gambang

- Residen Pelajar 1: Pelajar Perempuan
- Residen Pelajar 4: Pelajar Lelaki.

### ii. Kampus Pekan

- Residen Pelajar 5: Semua Pelajar

- b. Bagi mana-mana pelajar yang memerlukan sebarang bantuan sokongan sepanjang tempoh tersebut, sila berhubung terus bersama Pengetua/Felo masing-masing. Sukacita diingatkan kepada semua penghuni asrama untuk sentiasa berhubung dan merujuk Pengetua/Felo masing-masing sekiranya menghadapi sebarang kesulitan.

Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan Residen Pelajar sila hubungi RP berkenaan melalui talian yang disenaraikan atau melalui email [residen@ump.edu.my](mailto:residen@ump.edu.my).

Residen	Talian	Pengetua
Residen Siswa Gambang	09-5492560/3362	Encik Nasrul bin Salim Pakheri
Residen Siswi Gambang	09-5492533/2673	Dr. Yusnita binti Muhamad Noor (RP1) Puan Rosjuliana Hidayu binti Rosli (RP2)
Residen Pelajar Pekan	09-4245728	Encik Muhammad Sallehudin bin Md. Derus (RP5) Encik Nur Adam Maximillian (DHUAM)

Sekian untuk makluman.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**PROF MADYA DR MANSOR BIN SULAIMAN**

Dekan Perkhidmatan Pelajar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Tarikh: 14 Julai 2021